

TARIKH: 17/4/2023
SURAT KHABAR: HARIAN METRO
MUKA SURAT: 27

SPRM sudah ambil keterangan Sivakumar

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam, mengambil keterangan Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar berhubung siasatan kes rasuah membabitkan isu pengambilan pekerja asing.


Sumber memaklumkan, Ahli Parlimen Batu Gajah itu hadir memberi keterangan pada jam 10 pagi semalam.

Bagaimanapun, sumber sama enggan memaklumkan lokasi di mana Sivakumar hadir untuk diambil keterangan.

"Beliau hadir untuk memberi keterangan," katanya.

Usaha mendapatkan pengesahan Ketua Pesuruhjaya

Siasatan kes rasuah membabitkan isu pengambilan pekerja asing



SPRM, Tan Sri Azam Baki, belum berhasil.

Jumaat lalu, SPRM menahan Setiausaha Sulit kepada Sivakumar bagi membantu siasatan kes pengambilan pekerja asing.

Penahanan itu dibuat selepas se-

rang pegawai tugas-tugas khas kepada menteri berkenaan direman Khamis lalu.

Media sebelum ini melaporkan Sivakumar dan kementerianya akan memberi kerjasama penuh kepada SPRM berhubung penahanan seorang pegawai di pejabat menteri itu berhubung isu membawa masuk pekerja asing.